

BEDILAN

BUK

SINGAPORE
AIRLINES



MALAYSIA
AIRLINES
MH17



Pesawat MH17
dipercayai ditembak
oleh peluru
berpandu darat

12.15 pm
Pesawat MH17
membawa 298
penumpang dan kru
berlepas dari
Amsterdam

BELANDA
Amsterdam



SWITZERLAND

Sistem Pertahanan Udara BUK:

- Sistem BUK membabitkan pelancar, pembawa peluru berpandu serta radar kawalan tembakan.
- Pelancar membawa empat peluru berpandu di atasnya dan ia mampu menembak dalam tempoh 22 saat selepas sasaran dikesan radar.
- Berkemampuan untuk melancarkan roket ke arah lebih daripada satu sasaran.
- Dibangunkan Kesatuan Soviet pada 1979.
- Jenis roket digunakan kebiasaannya 9M317.
- Saiz roket 4.8 meter, berat antara 680 kilogram (kg) hingga 720kg, berat kepala ledak 70kg, kelajuan antara 2.6 hingga tiga kali kelajuan bunyi (Mach 2.6 hingga Mach 3).
- Peluru berpandunya mampu mencapai sasaran sejauh 35 kilometer pada ketinggian maksimum sehingga 22,000 meter.
- BUK mula diperkenalkan ke dalam perkhidmatan pada 1980 dan berevolusi sehinggalah BUK terbaru



diperkenalkan pada 2008.

- Ia dihasilkan untuk memusnahkan peluru berpandu kruis, bom pintar, helikopter, pesawat dan pesawat tanpa pemandu (UAV).

- Sistem digunakan untuk menembak MH17 dipercayai jenis BUK M-1 SA-11 Gadfly atau SA-17 Grizzly.

- Berdasarkan rekod pertempuran antara Ukraine dengan pemberontak pro-Rusia, Ukraine tidak pernah melancarkan peluru berpandu untuk menembak mana-mana helikopter atau pesawat milik lawan. Bagaimanapun, pemberontak pro-Rusia sudah menembak jatuh sebuah pesawat pengangkut Antonov AN-26 dan tiga helikopter tentera Ukraine sepanjang krisis kedua-dua belah pihak sejak Mac lalu.

POLAND



Antara serpihan bangkai pesawat MH17



Serpihan pesawat MH17 Terbakar

Kronologi penerbangan terakhir MH17

12.15 tengah hari
(waktu tempatan Amsterdam)
MH17 berlepas dari lapangan terbang Amsterdam ke Kuala Lumpur.

11.40 malam
MAS menerusi akaun Twitter mengesahkan pesawat MH17 hilang daripada radar tetapi belum membuat pengesahan ia terhempas.

12.00 tengah malam
Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menerusi akaun Twitternya mengakui terkejut dengan laporan pesawat itu terhempas dan memberitahu siasatan dilakukan serta merta.

12.30 tengah malam
MAS mengesahkan menerima maklumat daripada Pengawal Trafik Udara (ATC) Ukraine bahawa mereka kehilangan hubungan dengan pesawat MH17 pada jam 2.15 petang waktu Ukraine pada kedudukan 30

kilometer dari Tamak Waypoint lebih kurang 50 kilometer dari sempadan Russia-Ukraine.

2.30 pagi
Presiden Amerika Syarikat (AS) Barack Obama menganggap peristiwa itu sebagai tragedi yang dahsyat dan kerajaan AS menawarkan bantuan sewajarnya untuk mengenalpasti apa yang berlaku.

4.30 pagi
Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menerusi sidang media khas berkata sekiranya pesawat itu benar-benar ditembak jatuh, Malaysia mendesak agar pihak bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan dengan segera.

MH17

Boeing 777-200




Penumpang: **283**

Kru: **15**

BELANDA	189
MALAYSIA	44
AUSTRALIA	27
INDONESIA	12
UK	9
JERMAN	4
BELGIUM	4
FILIPINA	1
KANADA	1
NEW ZEALAND	1
BELUM DIKETAHUI	4





Kiev

UKRAINE

Donetsk

CRIMEA

Pesawat dipercayai terhempas di sempadan Ukraine dan Russia. Kesemua 298 penumpang maut

RUSSIA



Bangkai pesawat hangus selepas terhempas di Shkatsk, Ukraine kelmarin